

27 JAN 2003

Mahathir-BAKTI (Bergambar)

RAKYAT MALAYSIA AMAT BERTUAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Rakyat Malaysia amat bertuah kerana tiada di kalangan mereka yang terlalu miskin atau tertekan sehingga tidak cukup makan atau mati kelaparan seperti di sesetengah negara lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata ini adalah kerana adanya golongan prihatin di negara ini yang sanggup menghulurkan bantuan dan sumbangan.

"Alhamdulillah, negara kita yang bertuah ini melimpah ruah dengan rezeki yang banyak. Ini membolehkan kita memberi bantuan serta membela golongan yang kurang bernasib baik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusannya di dalam buku cenderamata sempena malam anugerah ulang tahun ke-25 Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri (BAKTI).

Dr Mahathir, yang juga penaung BAKTI, turut menghadiri majlis itu yang diadakan di sebuah hotel di sini, malam ini.

Dalam perutusan itu, Dr Mahathir juga berkata sebagai badan amal yang diterajui serta dianggotai oleh isteri pemimpin negara, BAKTI telah mendokong dengan jayanya dasar kerajaan yang menekankan kepada konsep masyarakat penyayang.

"Walaupun di dalam usia yang agak muda, BAKTI sebagai satu badan amal telah membuktikan kejayaannya dalam membantu golongan yang kurang bernasib baik menerusi pelbagai sumbangan dan bantuan yang disalurkan kepada pelbagai pihak," kata Perdana Menteri.

Sementara itu, semasa berucap pada majlis itu, isteri Dr Mahathir dan Yang diPertua BAKTI Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata badan itu akan meneruskan usaha-usaha membantu pelbagai golongan di negara ini seperti memberi bantuan kebajikan dan bantuan kepada mangsa bencana alam serta biasiswa kepada pelajar.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada pelbagai pihak termasuk syarikat-syarikat yang selama ini telah memberikan sumbangan derma dan bantuan bagi membolehkan BAKTI menjalankan aktivitinya.

Majlis itu turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datuk Seri Endon Mahmood, para menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, menteri besar dan ketua menteri, bekas-bekas menteri dan timbalan menteri serta isteri dan suami masing-masing.

Menyingkap sejarah BAKTI, Dr Siti Hasmah berkata daripada satu jawatankuasa pada masa penubuhannya, badan amal itu kini mempunyai enam jawatankuasa kecil bagi menjalankan pelbagai aktivitinya.

BAKTI ditubuhkan pada 16 Mei 1977 hasil ilham Tun Suhaila Mohd Noah, isteri perdana menteri ketiga Tun Hussein Onn.

Pada majlis yang diserikan dengan persembahan kombo Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Dr Mahathir turut melancarkan logo baru BAKTI.

Logo itu antara lain melambangkan sumbangan BAKTI kepada yang memerlukan serta ikatan perpaduan dan permuafakatan di kalangan anggotanya.

Selain itu, Dr Siti Hasmah menyampaikan anugerah penaung kepada Dr Mahathir.

Dr Siti Hasmah pula menerima Anugerah Yang DiPertua dan Pingat Perkhidmatan Lama, Endon menerima anugerah Naib Yang DiPertua manakala Suhaila menerima anugerah pengasas yang semuanya disampaikan oleh Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RV RV NAK